

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 FEBRUARY 2017

Tengku Sariffuddin bidas Dr. Mahathir buat 'U-turn'

# Berbohong atau tidak tahu beza fakta

UM - 28/2/2017

■ KUALA LUMPUR 27 FEB.

**S**ETIAUSAHA Akhbar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad hari ini membidas Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dikatakannya membuat 'U-turn' (pusingan U) aneh dalam persepsi bekas Perdana Menteri itu terhadap pelbagai perkara.

"U-turn sebegini oleh Dr. Mahathir amat menghairankan.... sama ada Dr. Mahathir berbohong atau tidak lagi mampu membezakan antara fakta dan rekaan," katanya dalam kenyataan di sini.

Tengku Sariffuddin berkata, realitinya rakyat Malaysia tidak lagi boleh dipercayai apa-apa sahaja kata-kata 'U-turn' Dr Mahathir.

Beliau berkata, Dr. Mahathir suatu ketika dahulu digelar Harimau Asia, dan untuk mengekalkan kuasa, beliau mencantas musuh-musuh politiknya.

"Dia memasukkan Timbalan Perdana Menteri - (Datuk Seri) Anwar Ibrahim - ke dalam penjara kerana katanya negara tidak boleh ada Perdana Menteri yang homoseksual. Dan dia mengatakan Lim Kit Siang (DAP) adalah ancaman kepada Melayu dan dia (Kit Siang) juga dipenjarakan.

"Tetapi kini beliau suka sangat Kit Siang sehingga sang-

gup menerima pemimpin de facto pembangkang itu sebagai Timbalan Perdana Menteri agar anaknya (Datuk Seri) Mukhriz boleh menjadi Perdana Menteri," katanya.

Tengku Sariffuddin berkata: "Dulu dia (Dr. Mahathir) berkata Kit Siang ancaman kepada Melayu tetapi kini tidak pula. Dulu dia katakan liwat adalah satu jenayah, kini diterima pula. Adakah harimau ini yang sudah lanjut usianya semakin keliru?"

Kata-kata Dr. Mahathir amat memalukan, katanya, dan mencadangkan agar harimau tua itu lebih baik bersara sepenuhnya demi kebaikan negara dan dirinya sendiri."

Tengku Sariffuddin turut menarik perhatian kepada titah Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, baru-baru ini

yang mempersoalkan kenyataan Dr. Mahathir.

Beliau berkata, pengamatan oleh Sultan Johor itu jelas dalam tulisan blog terkini Dr. Mahathir yang menulis Malaysia adalah satu daripada 10 negara paling korup di dunia.

"Hakikatnya, dalam senarai Transparency International yang terkini, Malaysia ialah negara ke-55 paling tidak korup di dunia.

"Jelas sama ada Dr. Mahathir berbohong ataupun dia tidak lagi mampu membezakan antara fakta



**U-turn sebegini oleh Dr. Mahathir amat menghairankan.... sama ada Dr. Mahathir berbohong atau tidak lagi mampu membezakan antara fakta dan rekaan."**

**TENGU SARIFFUDDIN TENGU AHMAD**  
**Setiausaha Akhbar Kepada Perdana Menteri**

dan rekaan. Jika bukan begitu, mengapa dia kata Malaysia adalah antara 10 negara yang paling korup sedangkan Malaysia tersenarai antara satu pertiga daripada negara paling tidak korup di dunia?" katanya. - BERNAMA



**DR. MAHATHIR**